

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH MELAKA TENGAH
NEGERI MELAKA**

Kes Mal Bil: 04001-016-1002-2010

Kes Mal Bil: 04001-021-1003-2010

Kes Mal Bil: 04001-024-1001-2010

ANTARA

XXXXXX
NO.KP: 82XXXX-04-XXXX

PLAINTIF

DENGAN

XXXXXX
NO.KP : 74XXXX-04-XXXX

DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

Plaintif dalam kes ini iaitu XXXXXX telah membuat permohonan Tuntutan MUT'AAH , nafkah Edddah dan Nafkah untuk dua orang anak yang bernama XXXXXX dan XXXXXX keatas Defendan XXXXXX menurut sek 58 , 60 dan 74 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002

Pasangan ini telah bernikah pada 14.01.2005 dan bercerai Talaq satu kali pertama pada 4 hb September 2008

Justeru itu plaintif memohon kepada mahkamah yang mulia ini memerintahkan Defendan membayar nafqah iddah, Mut'aah dan Nafkah bagi kedua orang anaknya.

Perbicaraan ini adalah sebelah pihak , Plaintiff diwakili Oleh Puan NurulShuhada Binti Khairudin dari Jabatan Bantuan Guaman Melaka , manakala Defendan tidak diwakili oleh mana-mana peguan Syarei dan tidak pernah hadir sekalipun saman telah dapat diserahkan secara Kediri.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

PEBICARAAN SEBELAH PIHAK

Didalam kitab “ ضمانات العدالة في القضاء الإسلامي ” karangan as-syeikh Mahmud ‘Ayiys Mutawally , hlm 53 , cetakan Dar al-kutub ‘Ilmiyyah Beirut, Tahun 2002 ada menyebut ;

إذا توافرت شروط سماع الدعوى على الغائب ، حكم القاضي للمدعي ، ولكن بعد أن يحلفه يمين الإستظهار بعد إقامة البينة .

Dan bertepatan juga dengan *Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 memperuntukkan bahawa :*

Seksyen 121(2) menyatakan ;

“ Mahkamah hendaklah, sebelum membuat apa-apa penghakiman mengenai tuntutan Plaintiff dibawah perenggan (1)(b) mengarahkan Plaintiff atau Defendan , mengikut mana-mana yang berkenaan , mengangkat sumpah istizhar.

“ Jika pada hari perbicaraan – defendan tidak hadir , mahkamah boleh (setelah penyampaian saman disempurnakan) membicarakan dan memutuskan kes itu semasa ketidakhadirannya; Dengan syarat Plaintiff hendaklah mengangkat sumpah (Yamin Istizhar)

Sebagai melengkapi dakwaan Plaintiff dalam kes ini , plaintiff hendaklah mengangkat sumpah istizhar.

Plaintif : Setuju / tidak :

Dengan sumpah istizhar yang telah ambil oleh pihak plaintiff tadi maka lengkaplah dakwaannya .

Oleh itu Mahkamah membuat alasan penghakiman sebelum mahkamah memberi keputusan .

BIDANG KUASA

Berdasarkan. **Seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002** memperuntukan:-

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Negeri MELAKA dan bagi semua Orang Islam yang bermastautin dalam negeri MELAKA tetapi tinggal di luar Negeri Melaka.

Mengenai pemastautinan, Plaintiff telah memenuhi syarat yang diberikan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam MELAKA 2002 . Mahkamah berpuashati Plaintiff telah tinggal di dalam Negeri Melaka .

Ianya jelas bahawa permohonan ini memenuhi kehendak Seksyen 45 (1) (C) EUUKINM 2002 yang hanya memerlukan pemastautinan satu pihak sahaja adalah di negeri Melaka . Seksyen 2 EUUKINM memperuntukkan “**bermastautin**” ertinya *tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu.*

Di dalam kes **XXXXXX lwn XXXXXX (1994) 9 bhg 1 J.H 16** Mahkamah Rayuan Syariah Selangor telah menyatakan bahawa perkataan mastautin seperti yang terdapat dalam Seksyen 2 enakmen tersebut hanya mensyaratkan seseorang itu tinggal tetap dalam suatu kawasan atau pada lazimnya tinggal di sesuatu kawasan, tidak disyaratkan hendaklah menjadi rakyat negeri di dalam kawasan ia berada. Berdasarkan peruntukan **Seksyen 50 (2) (b) Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam NEGERI MELAKA 2002** yang menyatakan bahawa *Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dalam bidangkuasa Mal, mendengar, dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi dibenarkan mendengar dan memutuskannya dalam mana jumlah atau nilai hal perkara yang dipertikaikan tidak melebihi seratus ribu ringgit atau yang tidak dapat di anggarkan dengan wang.*

Al-Imam al-Bahuti didalam kitabnya (كشف القناع) jld 6 hlm 290 ada menyebut :

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

ولا يحكم القاضي في غير محله ولا يسمع بينة في غير عمله ، فإن فعل لغي ذلك ، لأنه لم يصادف ولاية

Seorang kadhi tidak boleh memutuskan apa-apa hukuman yang bukan didalam bidanguasanya, begitu juga tidak boleh mendengar apa-apa Baiyinah yang bukan di bawah bidang tugasnya, jika ia melakukan perkara tersebut maka hukuman dan Baiyyinah yang didengar adalah lagha sahaja, Ini adalah kerana ia tidak ada bidang kuasa diatas perkara tersebut.

Mengikut Imam as-Syirazi ada menyebut didalam kitabnya “ *al- Muhazzab fi Fiqh al-Imam as-Syafie*) jld 5 hlm 377 cetakan Dar-al-Qalam Damsyik

و لا يجوز أن يقضي و لا يولى ولا يسمع البينة ولا يكتب قاضيا في حكم في غير عمله ،
فإن فعل شيئا من ذلك في غير عمله لم يعتد به ، لأنه لا ولاية له في غير عمله

Tidak boleh bagi seorang Hakim memutuskan satu-satu hukuman atau melantik seseorang mengendalikan kes atau mendengar keterangan saksi , atau mengirimkan surat diwilayah hakim lain yang bukan dibawah bidang kuasanya, jika hakim melakukan salah satu daripada perkara tersebut maka hukumnya tidak sah.

Ini adalah kerana dia tidak mempunyai bidanguasa pada yang lain daripada wilayahnya.

ASAS PENGHAKIMAN

- 1- Mahkamah berpuashati bahawa plaintiff telah bernikah dengan defendan pada 14.1.2005
- 2- Plaintiff dengan Defendan telah bercerai pada 4.9.2008 talaq satu kali pertama telah disahkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Melaka Tengah Melaka.
- 3- Mahkamah berpuashati dengan keterangan plaintiff bahawa dalam tempoh perkahwinan plaintiff banyak berkorban demi untuk keluarga yang tersayang.
- 4- Plaintiff tidak pernah disabitkan nusyuz oleh mana-mana Mahkamah Syariah
- 5- Tempoh perkahwinan plaintiff dengan defendan ialah 3 tahun dan telah dikurniakan oleh Allah Taala dengan dua orang anak.
6. Perceraian adalah disebabkan oleh defendan .
- 7- Semasa perceraian Defendan bekerja sebagai Pekerja Rendah Awam di Syarikat Air Melaka Berhad
- 8- Gaji defendan ialah RM 1,800 ketika bercerai tanpa kerja lebih masa
- 9- Keterangan saksi-saksi plaintiff adalah konsisten , mahkamah berpuashati dengan keterangan saksi- saksi tersebut .
- 10-Hantaran kahwin RM 6,000.00 dan mas kahwin RM 40
10. Semasa perceraian tidak ada apa-apa perintah mahkamah Syariah tentang mut`aah , nafkah eddah dan nafkah anak-anak.

HUJAH SYARAK

Definisi Muta'ah

Didalam kitab “ Kifayah al-Akhyar ” makna Muta'ah ialah:

المتعة : وهى إسم للمال الذي يدفعه الرجل إلى إمراته لمفارقته إياه .

“ Nama bagi sesuatu harta yang diberikan kepada Isteri kerana suami menceraikannya.”

Menurut didalam kitab “ فتح الوهاب بشرح منهج الطلاب ” karangan as-Syeikh Zakaria al-Ansari ,
jilid 2 hlm 60 ada menyebut :

المتعة : هى مال يجب على الزوج دفعه لامراته لمفارقته إياها

Muta'ah ialah sesuatu harta yang wajib keatas suami memberikannya kepada isterinya yang telah diceraikan

Merujuk didalam kitab "أحكام الأسرة في الشريعة الإسلامية "

Karangan Dr. Ramadhan Ali al-Saiyyid al-Syarnabasyi dihalaman 185 ada menyebut :

المتعة : بضم الميم وقد تكسر

أما هى لغة : التمتع

وأما هى شرعا : إسم المال يدفعه الزوج لزوجته التي فارقتها

Kalimah “***Al-Muta'ah***” boleh dibaca dengan DOMMAHkan MIM dan kadang –kadang boleh diKasrahkan huruf MIM

Mut'aah menurut bahasa :

“Sesuatu yang menyenangkan”

Mut'aah menurut Hukum Syara’

” Nama sesuatu harta yang diberikan oleh suami kepada Isterinya yang telah diceraikan”

HUKUM MUTA’AH

Hukumnya adalah wajib

Dalil Al-Quran

وَلِلْمُطَلَّاقَاتِ مَتَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ
سورة البقرة 241

Terjemahannya: Dan bagi isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat mua’ah dengan cara yang patut sebagai satu tanggungan yang wajib bagi orang-orang yang bertaqwa.

Al-Quran

قال الله تعالى : حقا على المحسنين

Terjemahan : Firman Allah Taala: Muta’ah itu adalah tanggungan yang wajib keatas orang-orang yang Muhsin (Orang yang berbuat kebaikan)

Surah al-Baqarah 237

Kata Dr. Ramadhan Ali as-Syaiyid al-Syarnabasyi didalam kitabnya “ Ahkam al-usrah” mukasurat 185 :

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

قال الله تعالى (حقا على المحسنين) فقد دلت الآية – كما هو مقرر عند علماء الأصول - عند الإطلاق يفيد الوجوب

Berdasarkan ayat diatas secara umumnya menunjukkan kepada Hukum wajib memberi Muta'ah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Ulama usul al-Fiqh

Didalam kitab”Fiqh al-Kitab Wa al-Sunnah “ karangan Dr.Amir Abdul Aziz jilid 1 mukasurat 485 menyebut:

والراجح عندى القول بوجوب المتعة ، لأن عمومات الأمر كقوله (ومتعوهن) وكذلك إضافة الإمتاع إليهم بلام التمليك في قوله تعالى (وللمطلقات متاع بالمعروف)

Menurut pandangan Dr. Amir Abdur Aziz ,pendapat yang mengatakan Muta'ah adalah wajib adalah Qaul yang kuat ,ini kerana Umum ayat al- Quran مَتَّعُوهُنَّ (al-Baqarah 236) adalah berbentuk suruhan (فعل الأمر) yang bermaksud “ Berikanlah muta'ah akan isteri-isteri kamu”

Begitu juga disandarkan kalimah “Muta'ah “ kepada isteri-isteri yang ditalaqqan dengan (لام) التمليك Mengikut kaedah nahu Arab (Lam Tamlik) memberi makna pemilikan penuh. Oleh sebab itu Hukum muta'ah adalah wajib.

Ini kerana mengikut kaedah Usul Fiqh berdasarkan Firman Allah Taala

قوله تعالى : (فَمَتَّعُوهُنَّ) فهو أمر ، ولأمر يقتضي الوجوب إلا أن يقوم الدليل على النذب

Firman Allah Taala dalm surah al-Baqarah ayat 241 (فَمَتَّعُوهُنَّ) adalah berbentuk suruhan (الأمر).Tiap-tiap Suruhan (الأمر) menunjukkan kepada wajib kecuali ada dalil yang lain memalingkan makna wajib kepada sunat.

Kerana tidak ada dalil yang memalingkan makna kepada sunat maka kekal hukum Muta'ah itu
WAJIB

As-Sunnah:

عن جابر بن عبد الله (رضى الله عنهما) قال : لما طلق حفص بن المغيرة امرأته فاطمة فأتت النبي (صلى الله عليه وسلم) فقال لزوجها : متّعها : قال : لا أجد ما أمتعها ، قال : (فإنه لا بد من المتاع ، قال : متّعها ولو نصف صاع من تمر . رواه البيهقي

Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah (r.a.h) , Katanya : Bila mana Hafz bin mughirah mentalaqkan isterinya Fatimah, Fatimah terus menemui Baginda Rasulullah (s.a.w) mengadu hal tentang dirinya yang telah diceraikan oleh suaminya. Bila Baginda Rasulullah (s.a.w) mendengar dakwaan Fatimah itu ,lalu Rasulullah (s.a.w) pun memerintahkan kepada suami Fatimah memberi Muta'ah kepada isterinya.Jawab (suami) Hafz bin Mughirah : Wahai Rasulullah (s.a.w) ,Aku tidak ada apa-apa yang boleh ku berikan kepada isteriku sebagai Muta'ah.Jawab Baginda Rasulullah s.a.w .Awak mesti memberi Muta'ah kepada isteri awak .Sabda rasulullah s.a.w lagi berikanlah Muta'ah kepada isterimu walaupun setengah gantang daripada tamar.

Hadis diatas menunjukkan bahawa pemberian Muta'ah adalah wajib.

Menurut pandangan Imam as-Syirazi didalam kitab “ Al-tanbih”

قال صاحب التنبيه : كل فرقة وردت من جهة الزوج بإسلام أو ردة أو لعان أو خلع فحكمه حكم الطلاق في إيجاب المتعة .

“Tiap-tiap perceraian yang datang dari pihak suami samada kerana masuk Islam atau murtad ,Li'an atau khulu' maka hukumnya adalah seperti hukum Talaq pada mewajibkan kepada sisuami memberi muta'ah kepada isterinya yang telah diceraikan.

Merujuk didalam kitab “ al-Bayan Fi Fiqh al-Imam as-Syafeiy “ karangan al- Imam al-Imraniy , jld 9 , hlm 432 , cetakan Dar al-kutub al-Ilmiyyah Beirut Lebanon ada menyebut ;

قال في الجديد : لها المتعة

Kata Imam as-Syafei pada pendapat jadidnya:

“ Wajib diberikan mut'aah kepada isteri yang diceraikan ”

وبه قال عمر ، وعلي ، والحسن بن علي ، وابن عمر رضي الله عنهم وأرضاهم ، ولا مخالف لهم من الصحابة رضي الله عنهم .

قال المحاملي : وهو الأصح ، لقوله – تعالى – (و للمطلقات متاع بالمعروف حقا على المتقين) (البقرة : 241) فجعل الله – سبحانه وتعالى – المتعة لكل مطلقة

Pendapat ini adalah selari dengan pendapat Saidina Umar, Saidina Ali, Saidina Hasan ibnu Ali, Saidina Abdullah ibnu Umar

Pendapat mereka ini tidak disanggah oleh mana-mana dikalangan para sahabat Nabi s.a.w yang lain

Kata Imam al-Mahamiliy : Pendapat ini adalah pendapat yang “ الأصح ” ini adalah kerana Allah Taala berfirman :

“ Bagi perempuan-perempuan yang ditalaqqan oleh suaminya, bagi mereka hak mut'aah pemberian yang patut bagi mereka ”

Ayat diatas menunjukkan bahawa setiap perempuan yang ditalaqqan oleh suaminya adalah berhak mendapat mut'aah

Begitu juga Dr.Ramadhan Ali as-Syaiyid al-Syarnabasyi menyebut didalam kitabnya Ahkam al-Usrah :

وقد أوجب الشافعي المتعة علي الزوج لكل مطلقة سواء أكان طلاقها قبل الدخول أم كان بعده
وسواء كان الطلاق بعد الدخول رجعيًا أم بائنًا إلا أن يكون سبب الفراق من الزوجة وحدها
أو منها ومن الزوج معا .

“ Imam as-Syafie telah mewajibkan Muta’ah keatas suami bagi setiap talaq samada sebelum bersetubuh atau selepas bersetubuh dan juga samaada Talaq Rajei ataupun Bain kecuali perceraian yang berpunca dari sebab Isteri(seperi Murtad atau memerdekakannya atau ujud ai’b padanya) atau berpunca dari dari kedua-dua pihak suami isteri (seperti kedua-duanya murtad)”

Ini berdasarkan firman Allah Taala :

فَامْسَاكِ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَانٍ

Terjemahan: Maka ambillah isteri kamu cara baik dan lepaskannya dengan cara Ihsan

Menurut pandangan Dr. Ramadhan Ali dengan cara member Muta’ah adalah Ihsan yang dituntut oleh Syara’ maka oleh sebab itu pemberian Muta’ah selepas penceraian adalah wajib ketas suami .

Begitu juga Dr Amir Abdul Aziz menyebut didalam kitabnya “ Fiqh al-Kitab Wa al-Sunnah “ jilid 1 ,mukasurat 484 :

ذهب الشافعية إلى وجوب المتعة لكل مطلقة . وإليه ذهب ابن عباس وابن عمر وعطاء وجابر بن زيد وسعيد بن جبير والحسن لبصري وأحمد وإسحق .

Ulama Syafiah mewajibkan Muta'ah bagi tiap-tiap Talaq, Pandangan ini disokong dengan pandangan Abdullah ibnu Abbas, Ibnu Umar, A'ta', Jabir ibnu Zaid, Said bin Jubir, Hassan al-Basri, Imam Ahmad dan Imam Ishak.

Begitu juga didalam kitab “ نفقة المتعة بين الشريعة والقانون ” karangan Dr Ahmad Fathi Bahnasiy, hlm 48, cetakan Dar Syuruk al-Kaherah Mesir, tahun 1988M ada menyebut:

روى عن الإمام علي أنه قال : لكل مطلقة متعة

Diriwayatkan daripada Imam Saidina bahawa sesungguhnya ia berkata:

“ *Tiap-tiap perempuan yang ditalaqqan itu baginya Muta'ah* ”

Berdasarkan nas-nas diatas adalah menjadi wajib keatas suami member Mut`aah kepada isteri yang ditalaqqnya

KADAR MUT`AAH YANG WAJIB KEATAS SUAMI :

Menurut didalam kitab “ نفقة المتعة بين الشريعة والقانون ” karangan Dr Ahmad Fathi Bahnasiy, hlm 53, cetakan Dar Syuruk al-Kaherah Mesir, tahun 1988M ada menyebut:

قال مالك :

ليس للمتعة عندنا حد معروف في قليلها ولا كثيرها

Imam Malik berkata: “ Disisi kami tidak ada kadar yang tertentu bagi Muta'ah dari sudut sikit dan banyak nya ”

فقال ابن عمر : أدنى ما يجزي المتعة ثلاثون درهما أو شبيهها

Ibnu Umar berkata: “ Serendah-rendah kadar muta'ah ialah 30 dirham atau seumpama nilainya”

وقال ابن عباس : أرفع المتعة خادم ثم كسوة ثم نفقة

Kata Abdullah Ibnu Abbas رضى الله عنهما : Kadar muta'ah yang tertinggi ialah seorang khadam lelaki, kemudian pakaian kemudian kadar nafkah

- 1

Menurut Qaul Jadid : Mut'aah ditentukan oleh hakim

المذهب الجديد : يقدر المتعة الحاكم

Mut'aah ditentukan oleh Hakim

Menurut didalam kitab “ الفقه الشافعي الميسر ” karangan Prof.Dr Wahbah az-Zuhailiy , hlm 99 jilid 2 ,cetakan Dar al-Fikr tahun 2008 ada menyebut :

يستحب ألا تنقص المتعة عن ثلاثين درهما أو ما قيمته ذلك ، وأعلاها خادم ، وأوسطها ثوب .
ويسن ألا تبلغ نصف مهر المثل ، فإن بلغت أو جاوزته جاز ، لإطلاق الآية السابقة .

Disunatkan pada kadar mut'aah tidak kurang daripada 30 dirham atau yang senilai dengannya.

Setinggi-tinggi kadar mut'aah ialah seorang khadam,

Pertengahan kadar mut'aah ialah sepasang kain

Dan disunatkan Mut'aah itu tidak melebihi kadar Mahar Mithil ,

Maka hukumnya adalah harus jika kadar Mut'aah itu menyamai kadar mahal mithil atau lebih daripadanya,

Ini adalah berlandaskan pada umum ayat al-Quran

(ومتعوهن وعلى الموسع قدره وعلى المقتر قدره)

Berikan Muta'ah ,orang yang kaya mengikut kekayaannya manakala orang yang miskin mengikut kadar kemiskinannya.

Surah al-Baqarah (2) ayat 236

JUMLAH MUT'AAH DIUKUR KEADAAN SUAMI KETIKA LAFAZ CERAI

Didalam kitab “ إعانة الطالبين ” karangan as-Syeikh al-‘Allamah Abu Bakar al-Dumyati , jld 3, hlm 701, cetakan al-Maktabah al-Taufiqiyyah , Mesir tanpa tarikh ada menyebut :

(فإن تنازعا) أى الزوجان في قدر المتعة قدرها القاضي بإجتهاده معتبرا حالهما وقت الفراق لقوله تعالى : (ومتعهن على الموسع قدره وعلى المقتر قدره) .
وقيل يعتبر حاله فقط لظاهر الآية المذكورة كالنفقة .

Jika suami isteri berbantah pada penetapan kadar mut'ah, maka Hakim akan menentukan kadar mut'ah tersebut dengan ijtihatnya dengan mengambil kira keadaan pasangan tersebut ketika berlakunya perceraian ,kerana Firman Allah Taala :

(ومتعهن وعلى الموسع قدره وعلى المقتر قدره)

Berikan Muta'ah ,orang yang kaya mengikut kekayaannya manakala orang yang miskin mengikut kadar kemiskinannya.

Surah al-Baqarah (2) ayat 236

Pandangan yang lain (lemah) :

Penetapan Mut'ah dinilai menurut kepada keadaan suami sahaja berdasarkan zahir ayat diatas seperti penetapan nafqah

Dr.Ahmad Fathi Bahnasyi di dalam kitabnya “ نفقة المتعة بين الشريعة والقانون “ mukasurat 71 ada menyebut juga :

الزوجة المدخول بها في زواج صحيح ، إذا طلقها زوجها بدون رضاها ولا بسبب من قبلها ، تستحق فوق عدتها متعة تقدر بنفقة سنتين على الأقل وبمراعاة حال المطلق يسرا وعسرا وظروف الطلاق ومدة الزوجية ، ويجوز أن يرخص للمطلق في سداد هذه المتعة على أقساط .

Isteri yang disetubuhi dengan sebab nikah yang sah , apabila telah ditalaqkan oleh suaminya tanpa redhanya dan perceraian itu bukan berpunca dari pihaknya , maka isteri tersebut berhak mendapat mut'ah melebihi daripada nafqah iddah yang amaunnya tidak kurang daripada jumlah nafqah selama dua tahun. Penetapan kadar mut'ah ini juga perlu melihat kepada keadaan **مطلق** dari sudut senang , susah serta keadaan berlakunya talaq dan juga tempoh perkahwinan .

Harus kepada hakim memerintahkan **مطلق** membayar mut'ah tersebut secara ansuran

Berdasarkan hujjah syarak diatas , Mahkamah berpendapat bahawa kadar Mut`aah yang wajib keatas suami membayar kepada isteri adalah perlu dilihat kepada keadaan defendan melafazkan cerai dari sudut pekerjaan defendan dan pendapatan defendan , dalam hal ini plaintif gagal meyakinkan Mahkamah jumlah sebenar gaji defendan ketika bercerai.

Justeru itu mahkamah berpendapat bahawa adalah perlu mahkamah melihat kepada tempoh perkahwinan dan wang hantaran serta mas kahwin , dalam menentu kadar Mutaah , nafkah eddah dan nafkah anak yang layak diterima oleh Plaintiff.

NAFKAH ISTERI DALAM EDDAH

Dalam hal ini Mahkamah merujuk didalam kitab “ Takmilah Majmu’ ” karangan Syeikh Najib al-Muthieii , jld17 hlm 76 , didalam kitab “ أحكام النفقة الزوجية في الشريعة الإسلامية ” hlm 32 , karangan Dr Muhammad Yaakub Thalib , ada menyebut :

وإذا كانت الزوجة محبوسة لحق الزوج ومصلحته ومنفعته ، وجبت على الزوج نفقتها التي تشمل ما تحتاج

إليه :

1. من طعام

2. وكسوة

3. ومسكن

4. وفرش

5. وخدمة

6. كل ما يلزم لمعيشتها حسب ما جرى به العرف

Apabila seorang isteri yang dibawah hak suami (termasuklah dalam eddah rajei) dan dan tujuan kebajikan suami serta kemanfa`atannya , maka wajib keatas suami memberi nafkah kepada isteri tersebut seperti berikut :

- a. makanan
- b. pakaian
- c. tempat tinggal
- d. tilam
- e. orang gaji
- f. dan tiap-tiap sesuatu yang diperlukan oleh isteri mengikut adat

DALIL NAFKAH ANAK.

Dr .Ablah didalam kitabnya “ al-Bunuwwah Wa al-Ubuwwah “ mukasurat 160 membuat kesimpulan bahawa Qaul lebih kuat dalam masaalah ini adalah seperti kata beliau :

والحق أن نفقة الولد واجبة على والده ، فإن أعسر فعلى أمه ثم على الوارث مصداقا لقوله تعالى : وعلى الوارث مثل ذلك

Sebenarnya Nafaqah anak adalah menjadi kewajipan kepada bapa membayarnya ,sekiranya bapa itu seorang yang tidak berkemampuan maka ditanggung oleh ibu anak tersebut , jika ibu anak tersebut tidak mampu maka berpindah kepada ahli warisnya sebagaimana Firman Allah Taala didalam surah al-Baqarah ayat 233 : “ Dan waris juga menanggung kewajipan (memberi nafaqah) tersebut jika sekiranya bapa tiada “

. SYARAT WAJIB NAFKAH ANAK

Imam al-mawardi didalam kitabnya “ al- Hawi al-Kabir “ juzuk 11 halaman 478 cetakan Dar al-Kutub al-ilmiah Beirut menyatakan bahawa syarat nafaqah ini terbahagi kepada dua kategori:

I. Anak

الشروط المعتبرة في الولد ثلاثة :

Syarat Anak yang wajib menerima nafaqah ialah tiga

1 - أن يكون حرا فإن كان مملوكا كان سيده أحق بالتزام نفقته من أبيه

1. Bahawa anak tersebut seorang yang merdeka , jika ia seorang hamba maka nafaqah ditanggung oleh penghulunya

2-أن يكون فقيرا لا مال له

2. Bahawa adalah anak tersebut adalah seorang yang fakir

3- أن يكون عاجزا عن الكسب

3. Bahawa anak itu tidak mampu untuk bekerja (disebabkan kecil atau sebagainya)

Dr.Ablah didalam kitabnya “ al-Bunuwwah Wa al-Ubuwwah “ mukasurat 160 bahawa ada menyebut **syarat-syarat wajib nafkah kepada anak** seperti berikut:

1. أن يكون الولد معسرا

Syarat pertama : Bahawa anak itu seorang yang susah

2. عدم القدرة على الكسب

Syarat kedua : Anak tersebut tak mampu hendak berkerja sendiri

3. تحقق العجز عن الكسب ، وذلك إما أن يكون عجزا حقيقيا كالصغر أو عجزا بسبب المرض الجسمي أو العقلي ، وإما أن يكون عجزا حكما كالعجز بسبب الأنوثة أو الا شتغال بالعلم

Syarat ketiga : Bahawa anak tersebut benar-benar tidak mampu berusaha untuk menyara dirinya. Tidak mampu ini terbahagi kepada tiga bahagian :

- Tidak mampu dari sudut hakiki seperti kanak-kanak itu yang masih kecil.
- Tidak mampu disebabkan sakit pada jasmani atau pun pada akal
- Tidak mampu dari sudut Hukmi seperti tidak mampu bekerja disebabkan bahawa ia adalah seorang perempuan atau pun ia masih menuntut ilmu lagi .

Manakala Dr.Abdul Rahman as-Sobuni didalam kitabnya “ Nizam al-Usrah “ mukasurat 227 dan 228 menyebut :

شروط وجوب هذه النفقة :

1 - أن يكون الأولاد فقراء عاجزين عن الكسب ،

والعجز عن الكسب يبدو في حالتين :

• إذا كان الأولاد صغارا

• أو كانوا كبارا لا كسب لهم أو كانوا إناثا

2 - أن يكون الأب غنيا قادرا على النفقة ، ولا فرق إن كان له عمل يكسب منه أو

كانت له ثروة يعيش منها .

أما الفتاة فتستمر نفقتها على أبيها حتى تتزوج إلا إذا كان لها عمل تعيش منه ولا تجبر على العمل ، فإن تزوجت كانت نفقتها على زوجها ، فإن مات عادت النفقة على أبيها كما لو كانت غير متزوجة .

Syarat wajib nafaqah anak:

1. Bahawa anak tersebut adalah miskin (tidak ada harta pusaka yang ditinggalkan kepadanya atau sebagainya) dan tidak mampu untuk bekerja

Maksud tidak mampu untuk bekerja ialah :

- Kanak-kanak tersebut masih kecil lagi
- Atau pun kanak-kanak tersebut dewasa tetapi tiada ada pekerjaan atau anak-anak tersebut adalah kaum Hawa

2. Bahawa bapa adalah seorang yang kaya dan mampu memberi nafaqah,

- tidak ada perbezaan tentang harta yang dimiliki oleh bapa itu samaada dari usahanya sendiri atau dia memang seorang yang hartawan pada asalnya

Nafaqah bagi anak perempuan ditanggung oleh bapa sehingga ia mendirikan rumah tangga ,apabila sudah mendirikan rumah tangga maka tanggungjawab memberi nafaqah ditanggung oleh suaminya, Tetapi apabila suaminya meninggal dunia tanggungjawab tersebut dipikul semula oleh bapanya.

Dr. Abdul Rahman as-Sobuni menegaskan lagi di dalam kitabnya “ Nizam al- Usrah’ halaman 228.

Nafaqah kepada anak tetap berterusan jika ia masih menuntut ilmu dengan syarat :

- 1- Bahawa anak tersebut berjaya didalam pelajarannya dan ada minat untuk meneruskan pembelajarannya.
- 2- Nafaqah berterusan sehingga anak habis belajar bermula dari sekolah rendah kemudian menengah sehingga keperingkat pengajian tinggi
- 3- Kadar Nafaqah ini mengikut kemampuan bapa dari sudut senang atau susahny tetapi tidak boleh kurang dari had keperluan anak.

Kata beliau lagi , asas syarak mewajibkan nafaqah kepada anak yang masih belajar adalah kerana agama Islam itu sendiri mewajibkan umatnya menuntut ilmu, sebagaimana Sabda Rasulullah s.aw ;

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : طلب العلم فريضة على كل مسلم

Sabda Rasulullah s.aw “ Menuntut ilmu itu difardukan keatas setiap individu muslim”

SYARAT BAPA YANG WAJIB MEMBERI NAFAQAH IALAH :

- 1- Ia seorang yang merdeka
- 2- Ia mampu memberi nafaqah seperti ia seorang yang ada harta atau mampu untuk bekerja
- 3- Mempunyai lebih dari keperluan dirinya ,ini berdasarkan Sabda Rasulullah s.a.w: “

قال صلى الله عليه وسلم : إبدأ بنفسك ثم بمن تعول

Sabda Rasulullah s.aw :” dahulukan untuk dirimu kemudian orang yang dibawah tanggunganmu“

Sabda Rasulullah s.aw :

جاء رجل إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقال : يا رسول الله صلى الله عليه وسلم
عندي دينار ، فقال : أنفقه على نفسك ،
قال : عندي آخر ، فقال : أنفقه على ولدك
قال : عندي آخر ، قال : أنفقه على زوجتك
قال : عندي آخر ، قال : أنفقه على خادمك
قال : عندي آخر ، قال : أنت أعلم

رواه أبو داود : كتاب الزكاة (باب صلة الرحم)

Terjemahanannya; Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah s.aw seraya mengutarakan satu pertanyaan katanya:

Wahai Rasulullah s.aw sesungguhnya disisiku satu dinar, aku suka untuk membelanjakannya , kepada siapakah perlu aku berikan ?

Jawab Baginda Rasulullah s.aw : Belanjakanlah untuk dirimu

Lelaki itu bertanya lagi : Jika aku ada wang dinar lagi

Jawab Baginda Rasulullah s.aw : Belanjakan wang tersebut untuk anakmu

Lelaki tu bertanya lagi : Jika ada lagi wahai Rasulullah s.aw

Jawab baginda Rasulullah s.aw : Belanjakan wang dinar itu untuk isterimu

Lelaki itu bertanya lagi : Jika aku ada wang dinar lagi

Jawab Baginda Rasulullah s.aw : Belanjakan untuk khadammu

Tanya lelaki itu lagi: Jika aku ada lebih lagi

Jawab Baginda Rasulullah s.aw : Engkau lebih mengetahui tentang orang yang berhak menerima sedekah dikalangan kaum kerabatmu dan jiranmu dan juga sahabat-sahabatmu .

Menurut didalam kitab “ **بذل المجهود في حل سنن أبي داود** ” karangan as-Syeikh Khalil Ahmad as-Saharanfuri, ada menyebut maksud hadis diatas seperti katanya:

قال الطيبي : إنما قدم الولد على الزوجة لشدة إفتقاره إلى النفقة

Kata Imam الطيبي : Sesungguhnya didahulukan anak daripada isteri dalam pemberian nafkah , ini adalah kerana anak amat memerlukan kepada nafkah tersebut.

Berdasarkan hujjah-hujjah syarak dan undang-undang bertulis , Mahkamah berpuas hati dan berkeyakinan untuk memberi keputusan , dengan ini Mahkamah :

1- Mahkamah sabit plaintif XXXXXX , NO.KP: 82XXXX-04-XXXX

berhak mendapat Mut'aah daripada defendan

2. Mahkamah perintahkan defendan XXXXXX NO.KP : 74XXXX-04-XXXX membayar

Muta'ah kepada plaintif sebanyak RM 3500.00 RINGGIT MALAYSIA

3. Mahkamah perintahkan Defendan membayar nafkah eddah sebanyak RM 300 kepada plaintif

4. Mahkamah fardhukan Defendan membayar nafkah untuk dua orang anak yang bernama

(1) XXXXXX

(2) XXXXXX

Sebanyak RM 400 sebulan dan pembayaran tersebut hendaklah dimasukkan kedalam akaun bank plaintif.

5. Perintah ini berkuatkuasa pada hari ini, jika pihak-pihak engkar dengan perintah ini, boleh dihukum menghina Mahkamah dan boleh dipenjarakan.

HAKIM

.....

(TUAN SHUKERI NAJIB BIN AB.RAHIM)

5 hb okt 2011

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**